

GARIS PANDUAN KESELAMATAN PENGUNAAN LIF

SEMASA MENAIKI LIF



- **TEKAN** butang lif ke aras yang hendak dituju bagi memastikan kelancaran operasi lif.
- **PATUHI** had beban (had maksimum bilangan pengguna) yang dinyatakan di dalam lif. Sekiranya lif penuh, tunggu lif yang seterusnya.
- Penggera akan **BERBUNYI** apabila lebih beban dikesan dan hanya akan berhenti sekiranya penumpang terakhir keluar dari lif. Lif akan bergerak setelah had beban berkurangan.
- **BERHATI-HATI** ketika menaiki lif. Kadangkala lantai lif tidak selaras dengan lantai pendaratan.
- Kanak-kanak **MESTI** ditemani oleh orang dewasa.

KETIKA DI DALAM LIF

- Berkelakuan baik ketika di dalam lif. **JANGAN** melompat atau bermain di dalam lif kerana ia boleh mengaktifkan alat keselamatan dan menyebabkan lif terhenti. Gunakan lif dengan bijak, sopan dan selamat.
- **JAUHKAN DIRI** dari pintu lif terutama sekali ketika pintu sedang dibuka atau ditutup.
- **BERHATI-HATI** agar tidak menyentuh atau bersandar di pintu lif. Tangan atau lengan anda mungkin tersangkut dan mengakibatkan kecederaan ketika pintu terbuka.
- Untuk mengelakkan operasi lif tidak terganggu, **JANGAN** tekan butang secara tidak berhemah.
- Untuk mengelakkan kerosakan butang lif, **JANGAN** tekan butang lif dengan menggunakan objek tajam tetapi gunakanlah jari anda.



SEMASA KELUAR DARI LIF



- Keluar segera di aras anda - **JANGAN** menunggu orang lain di belakang anda.
- **JANGAN** menolak orang di depan ketika keluar dari lif.
- **BERHATI-HATI** semasa keluar dari lif. Kadangkala lantai lif tidak selaras dengan lantai pendaratan.

JANGAN!

- **JANGAN** melebihi had beban yang dibenarkan. Beban yang besar dan berat boleh merosakkan lif.
- **JANGAN** menghalang pergerakan pintu lif dan merosakkan peralatan lain di dalam lif.
- **JANGAN** menggunakan lif ketika berlaku kebakaran, sebaliknya gunakan tangga.
- **JANGAN** menekan butang kecemasan dengan sengaja.
- **JANGAN** merokok di dalam lif.
- **JANGAN** biarkan kanak-kanak bermain di kawasan lobi lif dan bersandar di pintu lif kerana boleh menyebabkan kemalangan serius sekiranya pintu di buka.



SEKIRANYA BERLAKU KECEMASAN

- Apabila **TERPERANGKAP** di dalam lif, bertenang dan dapatkan bantuan dengan menekan butang kecemasan dan interkom.
- **JANGAN** cuba untuk keluar dari lif dengan membuka pintu lif secara paksa ataupun memanjat keluar melalui siling lif.
- Adalah **LEBIH SELAMAT** jika anda kekal menunggu di dalam lif.
- **JANGAN** cuba menyelamatkan penumpang yang terperangkap di dalam lif yang rosak kecuali anda telah terlatih.

